

**Lawatan Dua Hari Najib Ke Sabah Penuh Bermakna
Bernama
24 April, 2013**

KOTA KINABALU, 24 April (Bernama) -- Lawatan ke Ranau mengakhiri kunjungan dua hari Datuk Seri Najib Tun Razak ke Sabah untuk membantu kempen Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya umum ke-13 demi memastikan negeri di bawah bayu itu kekal sebagai simpanan tetap BN.

Jadual padat yang diatur untuk perdana menteri yang juga pengerusi BN jelas tidak menjejaskan semangat beliau untuk bertemu dengan rakyat pelbagai etnik di Sabah sepanjang lawatannya ke tujuh daerah iaitu Kuala Penyu, Bongawan, Kota Belud, Kota Kinabalu, Tenom, Keningau dan Ranau.

Sebaik tiba di sini semalam, Najib memulakan kempen di Kuala Penyu, daerah di bawah Parlimen Beaufort, di mana beliau disambut kira-kira 8,000 masyarakat setempat, yang majoriti masyarakat adalah suku kaum Bisaya, Kedayan dan Melayu.

Walaupun cuaca panas semasa beliau tiba di Kuala Penyu, ia sedikit pun tidak mengganggu 'mood' dan semangat Najib untuk bertemu rakyat. Malah kesediaannya untuk melawat pekan itu turut dihargai masyarakat yang menyifatkan beliau pemimpin berjiwa rakyat kerana sanggup bermandi peluh untuk menemui mereka.

Seorang penduduk Mohamed Rauf menyifatkan kedatangan Najib ke Kuala Penyu membuktikan keikhlasan dan komitmen pemimpin nombor satu negara itu untuk mendekati rakyat di peringkat akar umbi.

"Saya rasa bangga dan kagum dengan kunjungan julung kali perdana menteri ke daerah pedalaman ini dan saya datang memang mahu melihat dia dari dekat," katanya.

Sepanjang dua hari berkempen, mesej jelas disampaikan Najib bahawa isu keselamatan, keamanan dan kedaulatan Sabah yang menjadi pertimbangan tertinggi kerajaan BN memandangkan ia merupakan perkara amat penting bagi rakyat Sabah ketika ini.

Beliau juga mahu rakyat Sabah membuat pilihan tepat pada pilihan raya umum ini dengan menjadikan 5 Mei medan untuk menolak pembangkang yang begitu mempermain dan mempertikai faktor keselamatan dan kedaulatan Sabah apabila menyifatkan insiden pencerobohan di pantai timur negeri itu sebagai sandiwara.

Mesej serupa turut disampaikan Najib dalam pertemuannya dengan masyarakat Cina di Kota Kinabalu pada Selasa malam, di mana beliau menggesa mereka memilih kerajaan yang mampu menjamin keselamatan dan keamanan sebagai elemen utama mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif.

Di Kuala Penyu Najib yang disambut kira-kira 10,000 warga setempat merasmikan program Yayasan Sabah bersama rakyat di Padang Pekan Kuala Penyu dan jambatan Kuala Penyu yang menyeberangi Sungai Sitompok sepanjang 1.1km bernilai RM60 juta, dan memanfaatkan lebih 20,000 masyarakat berbilang kaum di daerah itu.

Selepas lebih dua jam di Kuala Penyu, Najib menaiki helikopter untuk bersama rakyat di Pekan Bongawan, Kimanis, kira-kira 50km dari Beaufort di mana Najib mengulangi komitmen kerajaan BN untuk memastikan keselamatan dan keamanan di Sabah terjamin

dan keputusan negeri itu untuk menyertai Malaysia sebagai tepat.

Di Kimanis, calon BN Datuk Seri Anifah Aman akan mempertahankan kerusi Parlimen itu dalam pertandingan empat penjurong bagi meraih undi 26,628 pengundi termasuk di dua DUN iaitu Bongawan dan Membakut.

Momentum lawatan Najib agak terganggu apabila faktor cuaca menghalang pertemuan beliau dengan hampir 10,000 masyarakat terdiri suku kaum Bajau, Kadazandusun dan Iranum di Kota Belud.

Bagaimanapun demi tidak menghampakan rakyat yang sudah menunggu seawal 10 pagi, Najib menggunakan sepenuhnya teknologi terkini untuk menyampaikan amanat melalui panggilan telefon.

Pesan beliau agar rakyat di kawasan itu memberi sokongan penuh kepada calon-calon BN untuk memastikan kesinambungan parti itu sebagai kerajaan yang kuat di peringkat nasional dan negeri, disambut penuh semangat oleh rakyat setempat yang melaungkan 'Hidup Barisan' dan 'Tatap BN'.

Di Kota Belud, penyandanginya dari BN Datuk Abdul Rahman Dahlan akan mempertahankan kerusinya dalam pertandingan lima penjurong, termasuk dua calon Bebas. Kawasan Parlimen itu mempunyai tiga DUN iaitu Tempasuk, Kadamaian dan Usukan dengan 51,467 pengundi.

Lawatan Najib ke Tenom, Keningau dan Ranau membuka peluang kepada beliau untuk bertemu dan beramah mesra dengan pelbagai lapisan masyarakat daripada kaum etnik Kadazandusun Murut.

Di Parlimen Tenom dan Keningau, penyandang kerusi iaitu Datuk Raimee Unggi dan Tan Sri Joseph Pairin Kitingan akan mempertahankan kerusi masing-masing, manakala Datuk Ewon Ebin akan bertanding bagi kerusi Parlimen Ranau.

Jika kehadiran dan sokongan yang ditunjukkan sepanjang lawatan dua hari itu boleh diukur, tidak keterlaluan untuk dikatakan sokongan padu rakyat Sabah masih kekal kepada BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944920>